

G// PROGRAM KUKUM BERSAMA GURU-GURU KAUNSELING DAN KERJAYA SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DARI SELURUH NEGERI PERLIS

Unit Komunikasi Korporat, KUKUM telah menganjurkan satu program satu hari KUKUM Bersama Guru-guru Kaunseling Sekolah Menengah Negeri Perlis 2004 bertempat di Dewan Kuliah, Pusat Kejuruteraan KUKUM, Kuala Perlis pada 21 September lalu. Profesor Madya Zaliman Sauli, Dekan Pusat Kemahiran, Komunikasi dan Keusahawanan telah mewakili Yang Berbahagia Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM merasmikan program yang telah dihadiri oleh hampir 30 orang guru-guru Kaunseling dan Kerjaya serta guru-guru kanan mata pelajaran Sains dan Matematik tersebut.

Objektif program tersebut antara lain cuba memberi maklumat dan informasi terkini mengenai latar belakang serta peranan KUKUM sebagai sebuah IPTA yang baru dan pengenalan kepada program-program Ijazah Kejuruteraan berdasarkan Elektronik, memperkenalkan konsep '*lab intensive*' dan *ëindustrial integration* yang diamalkan di KUKUM selain memberi penerangan secara lebih lanjut berkaitan peluang kerjaya dalam bidang kejuruteraan.

Selepas upacara perasmian, Profesor Madya Zaliman telah memberikan penerangan secara mendalam tentang latar belakang dan konsep akademik yang ditawarkan di KUKUM. Sebelum bermula sesi kedua di sebelah petang, guru-guru tersebut telah dibawa melawat ke makmal-makmal yang terdapat di sekitar Pusat Kejuruteraan dan diberikan penerangan secara ringkas tentang fungsi dan kegunaan makmal tersebut.

Bagi meneruskan kesinambungan program, satu forum interaksi telah diadakan sejurus selepas jamuan makan tengahari dengan tajuk 'Cabaran Bidang Kejuruteraan Masa Hadapan' yang telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Huzili Hussein, Penyelaras Unit Pengajaran dan Pembelajaran KUKUM. Ahli panel terdiri dari Profesor Madya Dr. Uda Hashim, Dekan Penyelidikan dan Pembangunan KUKUM, En. Zol. Bahri Razali, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik KUKUM dan Encik Yufridin Wahab, Pengarah Pusat Kerjasama Industri KUKUM.

Prof. Dato' Dr. Kamarudin telah sudi menutup program pada petang itu dan berharap program tersebut dapat dijadikan

sebagai acara tahunan dalam takwim KUKUM dengan berkat sokongan pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan guru-guru sendiri. Malah program tersebut akan bergerak dari satu negeri ke negeri yang lain di Malaysia. Beliau amat berharap input-input positif dapat disalurkan oleh guru-guru Kaunseling dan Kerjaya kepada para pelajar di sekolah masing-masing bagi menarik minat mereka untuk menyambung pelajaran di KUKUM yang dilihat sebagai universiti teknikal di Malaysia yang terbaik dan paling canggih dari segi peralatan, prasarana dan kelengkapan makmalnya.